

DILEMA WANITA BERPENDIDIKAN TINGGI: FAKTOR-FAKTOR WANITA BERHENTI BEKERJA

THE DILEMMA OF WOMEN WITH TERTIARY EDUCATION: FACTORS CONTRIBUTING TO WOMEN LEAVING THE WORKFORCE

Haryana Rozana Abdul Rahim¹

Abstract

The enrolment of female students at Higher Education Institutions (HEIs) is impressive. This group appears to have dominated HEIs with a 60:40 ratio of female to male students. However, this ratio does not correspond to the situation in the workforce. This study aims to identify the push factors that drive educated women to be full-time homemakers. In-depth interviews of 18 respondents which were collected by using a snow-ball technique through key informants were used in this study. The findings in this study showed that there are many reasons, ranging from distinctive 'nature versus nurture' factors which contribute to women's decisions to become full-time housemakers. By contrast, career women still maintain their gender roles at home as a mother and a wife. If more women with higher education can contribute to national development through the employment sector, the potential to achieve developed nation status by 2020 will be achieved along with the development of a balanced society. Therefore, this study is expected to contribute to the drafting of family-friendly policies and to enable women to contribute meaningfully to national development.

Keywords: *Women, higher education, work, gender roles, Malaysia*

Pendahuluan

Wanita biasanya berperanan sebagai ibu, isteri, anak perempuan, kakak dan adik perempuan dalam sesebuah keluarga. Tugas mereka adalah berkaitan dengan pengurusan rumahtangga seperti memasak, mengemas rumah, menjahit, dan menguruskan hal ehwal rumahtangga yang lain. Masyarakat tradisional telah mempraktikkan nilai yang mendoktrinkan anak gadis supaya menjadi suri rumah yang berkebolehan dan baik serta mampu memberikan komitmen sepenuhnya kepada urusan rumah tangga (Huzili Hussin, et.al, 2007). Keadaan ini telah menyebabkan wanita tidak mempunyai status luaran (Huzili Hussin, et. al. 2007). Walau bagaimanapun, nilai ini tidak begitu sesuai untuk dipraktikkan pada zaman ini terutamanya di kalangan wanita yang berpendidikan tinggi.

Dewasa ini, arus modenisasi dan pembangunan telah mendesak kaum wanita untuk berkecimpung dalam dunia kerjaya dan bersama-sama kaum lelaki berjuang untuk membangunkan negara bagi memenuhi tuntutan kehidupan yang lebih kompleks. Sejak lebih 50 tahun yang lalu, wanita Malaysia telah mencipta fenomena anjakan paradigma melalui

penyertaan mereka dalam bidang tenaga kerja. Hal ini disebabkan oleh bilangan penyertaan kaum wanita dalam sektor pekerjaan didapati mengalami peningkatan walaupun kadar tersebut agak perlahan. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2004), peratusan tenaga kerja wanita meningkat dari 37 peratus pada tahun 1970 kepada 43.5 peratus pada tahun 1995, dan 47.7 peratus pada tahun 2003 dan menurun kepada 46 peratus pada tahun 2007.²

Walau bagaimanapun, penyertaan kaum wanita dalam tenaga kerja tidak sedikit pun mengurangkan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai ibu, isteri, dan pengurus rumahtangga. Amla Salleh dan Nila Inangda (2012) berpendapat bahawa peranan baru yang diberikan kepada wanita tidak mengubah peranan tradisi mereka sebagai tunggak rumah tangga. Hal ini kerana, kaum wanita terus diharapkan untuk mengekalkan peranan mereka dalam rumah tangga. Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan keresahan dalam kalangan pelajar wanita di institusi-institusi pengajian tinggi untuk berjaya dalam kerjaya, sekali gus mengendalikan urusan rumah tangga setelah berkahwin dan berkeluarga. Bagi golongan wanita profesional pula, isu ini dilihat lebih relevan berikutan tanggungjawab yang besar dalam organisasi, sedangkan peraturan yang lebih mesra wanita dan keluarga masih belum difikirkan dan dilaksanakan.

Sam Haggag menerusi akhbar *Utusan Malaysia* menyatakan bahawa penglibatan wanita Malaysia adalah agak kurang dalam jawatan pembuat keputusan seperti yang dilaporkan dalam laporan Indeks Jurang Jantina Forum Global Ekonomi Dunia 2009, kedudukan Malaysia jatuh ke tangga 101 daripada 96 pada tahun 2008. Menurut laporan indeks tersebut, jumlah ini sebenarnya tidak mendorong kepada peningkatan wanita dalam tenaga kerja dan jawatan pembuat keputusan. Hal ini kerana, walaupun penyertaan pelajar wanita di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melebihi pelajar lelaki, jumlah ini tidak dapat dilihat dalam sektor pekerjaan. Bermula daripada masalah ini, kajian telah mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong wanita berpendidikan tinggi yang bekerja mengambil keputusan untuk berhenti bekerja dan mengapa wanita berpendidikan tinggi yang tidak menyertai sektor pekerjaan sejurus selepas menghabiskan pengajian pilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa.

Metodologi Kajian

Dalam konteks penyelidikan ini, penulis menggunakan kajian pertanyaan sosial yang memfokuskan kepada cara interpretasi manusia. Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kualitatif untuk memberikan pencerahan kepada pengalaman mereka serta persekitaran di mana mereka tinggal (Holloway 1997). Kajian ini hanya memfokuskan kepada wanita Melayu berpendidikan tinggi iaitu yang berhenti bekerja ataupun tidak bekerja. Kedua-dua kumpulan ini diteliti melalui faktor-faktor yang mendorong mereka untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Daripada faktor-faktor ini, hubungan dan persamaan keduanya terhadap keputusan yang diambil telah dianalisis. Dalam proses menjalankan kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif iaitu '*in-depth interview*' untuk mendapatkan data daripada responden. Responden dipilih berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan utama yang seterusnya memperkenalkan pengkaji kepada informan seterusnya, iaitu melalui kaedah persampelan '*snow-ball*'.

Matlamat kajian ini adalah untuk merungkaikan persoalan mengenai dorongan kepada wanita berpendidikan tinggi untuk tidak bekerja atau berhenti bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Oleh itu, kajian mengenai dilema wanita berpendidikan tinggi antara kerjaya dan menjadi suri rumah tangga khususnya dalam kalangan wanita Melayu merupakan sebuah

kajian budaya yang menggunakan pendekatan interdisiplin dalam melihat faktor-faktor yang berpengaruh. Kesemua responden yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri berikut:

- Mempunyai tahap pendidikan tinggi iaitu sekurang-kurangnya di peringkat diploma (tertiari) dan ke atas
- Sudah berkahwin
- Pernah bekerja tetapi mengambil keputusan untuk berhenti bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. atau
- Tidak pernah bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, responden merupakan wanita Melayu berpendidikan tinggi berusia di antara 26 tahun hingga 39 tahun di Semenanjung Malaysia, yang sudah berkahwin tetapi mengambil keputusan untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Responden hanya dipilih di kalangan wanita Melayu sahaja kerana kajian ini ingin memberikan tumpuan kepada persoalan 'kembali kepada fitrah wanita' yang melibatkan kaum Melayu yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, sistem sosial yang dipraktikkan dalam keluarga masing-masing mempunyai kesan yang sangat signifikan terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada wanita tidak bekerja.

Responden-responden dikenal pasti berdasarkan bidang pengajian ataupun pengkhususan semasa di peringkat IPT seperti perakaunan, sains komputer, sains perubatan, sains matematik, perniagaan dan kewangan, kejuteraan, sains bioteknologi, kejururawatan, sains teknologi pemakanan, antropologi dan sosiologi, pentadbiran sosial dan pengurusan sumber manusia.

Jadual 1: Profil Responden

| Bil. | Umur (Tahun) | Peringkat Pendidikan Tertinggi | Bidang Pengkhususan | Bil. Anak (Orang) | Umur anak (Tahun) | Keputusan Untuk Kembali Bekerja Formal? |
|------|--------------|--------------------------------|-------------------------------|-------------------|----------------------|---|
| R1 | 26 | Ijazah Sarjana Muda | Pengimejan perubatan | - | - | Tidak |
| R2 | 28 | Ijazah Sarjana Muda | Perakaunan | 2 | 3Thn dan 1Thn | Tidak |
| R3 | 26 | Ijazah Sarjana Muda | Sains Matematik | 2 | 2Thn dan 6 bulan | Ya |
| R4 | 28 | Ijazah Sarjana Muda | Sains Bioteknologi | 2 | 2Thn | Ya |
| R5 | 31 | Ijazah Sarjana Muda | Programmer/ Software Engineer | 2 | | Ya |
| R6 | 39 | Ijazah Sarjana Muda | Analyst Programmer | 3 | 12Thn, 8Thn dan 6Thn | Ya |

| | | | | | | |
|-----|----|---------------------|---|---|----------------------------|-------|
| R7 | 27 | Ijazah Sarjana Muda | Kejururawatan | 2 | 3Thn dan 1 Thn | Tidak |
| R8 | 31 | Ijazah Sarjana | Sains Teknologi Makanan | 2 | 7 Thn dan 1 Thn | Ya |
| R9 | 37 | Ijazah Sarjana Muda | Pengkomputeran (Analisis Sistem dan Rekabentuk) | 4 | 10Thn, 7Thn, 5Thn dan 3Thn | Tidak |
| R10 | 28 | Ijazah Sarjana Muda | | 2 | 5thn dan 6 Bulan | Ya |
| R11 | 34 | Ijazah Sarjana Muda | Perniagaan | - | - | Ya |
| R12 | 28 | Ijazah Sarjana Muda | Kewangan | 1 | 2Thn | Tidak |
| R13 | 27 | Ijazah Sarjana Muda | Antropologi dan Sosiologi | 1 | 10 bulan | Ya |
| R14 | 29 | Ijazah Sarjana Muda | Perakaunan | 2 | 6 Thn dan 2Thn | Ya |
| R15 | - | Ijazah Sarjana Muda | Kejururawatan | 1 | | Ya |
| R16 | - | Ijazah Sarjana Muda | Kejuteraan Elektrik | 2 | 4Thn dan 2Thn | Tidak |
| R17 | 32 | Diploma | Pengurusan Sumber Manusia | 2 | - | Tidak |
| R18 | 34 | Ijazah Sarjana Muda | Pentadbiran Sosial | 6 | - | Tidak |

(Sumber: Diubahsuai daripada temubual bersama responden)

Ciri-ciri metode kualitatif ialah data disajikan dalam bentuk deskripsi yang berupa teks naratif, kata-kata, ungkapan, pendapat, gagasan yang dikumpulkan oleh penyelidik daripada beberapa sumber sesuai dengan teknik pengumpulan data. Seterusnya data tersebut diasingkan mengikut kumpulan tertentu berdasarkan keperluan dengan pendekatan interpretatif terhadap subjek selanjutnya (Denzin dan Lincoln 2009). Klasifikasi data dibuat untuk mengatur data yang pelbagai menjadi satu kesatuan sesuai dengan harapan dalam tahap analisis. Untuk memperoleh data yang lebih kukuh, kajian ini disokong dengan jadual, gambar, dan beberapa data kuantitatif. Brannen (2004) mengemukakan bahawa dalam kajian tradisi kualitatif, penyelidik menggunakan diri mereka sebagai alat ukur, mengikuti norma-norma budaya. Dalam hal ini, penyelidik bersifat fleksibel dan reflektif tetapi mempunyai batasan antara penyelidik dan orang yang diselidik dalam usaha untuk mencapai wawasan imaginatif ke dunia responden. Tradisi dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini menurut pandangan penyelidik memiliki ketepatan untuk menggali dan mendapatkan hasil kajian yang lebih mendalam.

Kajian kualitatif secara umum memiliki lima ciri. (1) Mempunyai latar belakang alamiah (naturalis), penyelidik sendiri berperanan sebagai alat penelitian dalaman. Penyelidik lebih banyak menggunakan waktu di kawasan kajian untuk mengamati dan memahami permasalahan

secara mendalam. Penyelidik dibantu dengan alat bantuan berupa alat perakam seperti perakam digital. (2) Bersifat deskriptif, data yang dikumpulkan lebih banyak berupa kata atau gambar daripada data. Laporan yang ditulis sering mengambil petikan data dalam rangka yang menunjukkan pentingnya sesuatu yang dihadapi. (3) Menekankan proses daripada produk. (4) Cenderung menganalisis data secara induktif atau berangkat daripada hal-hal khusus yang berjaya dikumpulkan. (5) Mementingkan peranan makna iaitu suatu perilaku yang banyak mempunyai erti. Menurut Kirk dan Miller (1986), kajian kualitatif merupakan tradisi tertentu dalam sains sosial yang secara dasarnya bergantung kepada pengamatan terhadap manusia dalam kawasannya sendiri dan berhubungan dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, maka kajian kualitatif pada umumnya bertujuan untuk mengembangkan konsep atau pemahaman daripada sesuatu fenomena. Dalam hal ini, kajian ini diarahkan untuk menganalisis secara kritis tentang fenomena dilema wanita berpendidikan tinggi antara berkerjaya atau menjadi suri rumah tangga di zaman moden. Analisis kritis dilakukan dengan mentafsirkan pernyataan dan hujah yang dinyatakan oleh responden, apakah pendapat tersebut bersifat *nature* atau *nurture*. Faktor yang bersifat *nature* atau fitrah ditekankan pada hal-hal yang wujud secara semula jadi seperti kondisi hormon, kehamilan, kelahiran dan penyusuan. Faktor yang bersifat *nurture* iaitu kondisi yang mendorong wanita untuk tidak berkerjaya sebagai kesan daripada konstruksi budaya dan agama.

Jenis dan Sumber Data

Jenis Data

Data kualitatif ialah data yang tidak berupa angka, untuk membacanya harus dinyatakan secara jelas agar boleh memahami faktor-faktor yang mendorong wanita berpendidikan tinggi berhenti bekerja atau tidak bekerja dan menjadi suri rumah. Menurut Lexy J. Moleong (2007), jenis data kajian pada dasarnya dapat diklasifikasikan menjadi data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif juga banyak digunakan dalam kajian falsafah dan dalam kajian sains sosial serta sejarah.

Data kualitatif diutamakan dalam kajian ini kerana kajian ini bersifat deskriptif dengan menekankan landasan sosiologikal. Penggunaan data kuantitatif bertujuan melengkapkan data kajian yang dijalankan agar penjelasan yang diberikan lebih kukuh serta berkaitan dengan bahan kajian seperti gambaran jumlah pendapatan suami dan kecukupan pendapatan tersebut untuk memenuhi keperluan hidup seharian.

Sumber Data

Menurut Lofland dan Lofland (1984) seperti yang dipetik oleh Lexi J. Moleong (2007), sumber data utama dalam penelitian kualitatif ialah kata-kata dan tindakan selebihnya adalah data tambahan seperti dokumen dan lain-lain. Sumber data diklasifikasikan berdasarkan sumber data primer dan sumber data sekunder. Sumber data primer dalam kajian ini ialah jawapan-jawapan daripada para responden yang ditemubual secara mendalam (*in-depth interview*). Dalam erti kata lain, data primer ialah data yang diperoleh secara langsung di lokasi kajian, melalui proses temubual/*interview* dengan responden.

Di samping itu, sumber data sekunder pula terdiri daripada dokumentasi dan bahan-bahan rasmi yang dapat menyokong hasil kajian. Data sekunder diperoleh daripada kajian perpustakaan seperti buku, jurnal, surat khabar dan sebagainya. Data sekunder sangat penting bagi penyelidik untuk memahami dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dijadikan objek kajian.

Teknik Penentuan Responden/Informan

Penentuan informan dilakukan secara *purposive sampling* atau pemilihan yang bermatlamat dengan memilih informan wanita Melayu yang berpendidikan tinggi, berhenti bekerja atau tidak bekerja, dan memiliki akaun di media sosial seperti Facebook, Twitter dan Google+. Pada peringkat awal, proses penentuan seorang informan utama (*key informant*) yang dapat berinteraksi secara online melalui Facebook. Seterusnya, temubual mendalam tentang tujuan kajian dilakukan dan beberapa orang responden lain ditetapkan secara *snowball* sesuai dengan keperluan data dan kesediaan responden untuk ditemubual berhubung dengan permasalahan yang diteliti, sehingga bilangan responden mencapai jumlah 18 orang.

Dalam kajian yang menggunakan kaedah kualitatif bilangan responden tidak memainkan peranan penting tetapi kualiti maklumat yang diperoleh menjadi tumpuan utama. Dalam erti kata lain, responden lebih bekerjasama, memiliki masa untuk ditemubual secara mendalam dan bersikap terbuka terhadap permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan berumah tangga lebih penting daripada bilangan yang sudi bertemubual semata-mata. Berdasarkan huraian di atas, maka pemilihan individu untuk dijadikan responden dalam kajian dilema wanita berpendidikan tinggi antara tidak bekerja atau berhenti bekerja dan menjadi suri rumah tangga dapat diklasifikasikan kepada dua kumpulan iaitu:

- wanita berpendidikan tinggi yang berhenti bekerja
- wanita berpendidikan tinggi yang tidak bekerja

Penentuan klasifikasi responden ini menurut pertimbangan penyelidik kerana mereka mempunyai informasi dan situasi permasalahan yang berbeza terhadap faktor *nature* dan *nurture* yang mendorong mereka untuk tidak bekerja atau berhenti bekerja dan menjadi suri rumah.

Alat Penelitian Penyelidikan

i. Penyelidik sebagai alat penelitian

Paradigma kajian kualitatif meletakkan fenomena sosial sebagai pusat kajian ilmu sosial yang secara dasarnya melibatkan manusia sebagai pelaku (aktivis sosial) yang selalunya sarat dengan dunia makna yang melihat pada subjek (manusia) pelakunya, melibatkan interpretasi, kesedaran dan makna subjektif di peringkat individu pelaku suatu tindakan sosial (Burhan Bungin 2012). Dalam penyelidikan kualitatif ini, penyelidik sendiri berperanan sebagai instrumen atau alat penelitian. Lexy J. Moleong (2007) menyatakan bahawa penelitian kualitatif tidak mempunyai pilihan selain daripada menjadikan manusia sebagai instrumen penelitian utama. Oleh itu, penyelidik sendiri terlibat secara langsung di lapangan untuk melakukan temubual agar dapat memahami makna data kajian. Selain itu, Moleong (2007) juga menegaskan bahawa dalam penelitian kualitatif, penyelidik yang bertindak sebagai alat penelitian sahaja dapat berhubung dengan informan dan subjek lainnya dan hanya penyelidik yang mampu memahami kaitan fakta di lapangan kajian. Di samping itu, penyelidik dapat juga melakukan pemilihan data sehingga lebih berkesan dan cekap secara langsung. Alat penelitian memainkan peranan sebagai saranan bantuan yang dipandang sesuai untuk mendokumentasikan hasil temubual supaya data yang dikumpulkan sesuai untuk menjawab objektif kajian. Alat penelitian pengumpulan data yang memadai dapat menjamin keabsahan data yang diperoleh.

ii Panduan temubual (*interview guide*)

Penyelidik menggunakan panduan wawancara yang berupa satu set soalan yang bersifat terbuka (*open questions*). Panduan temubual dalam situasi temubual secara mendalam tidak ditampakkan secara fizikal supaya responden tidak berasa seperti sedang ditemubual dan berada dalam situasi yang bersifat santai atau bersahaja tetapi terjaga. Hal ini kerana, penampakan peneliti dalam aktiviti temubual akan menyebabkan situasi menjadi formal.

Teknik Pengumpulan Data

Temubual mendalam (in-depth interview)

Temubual merupakan suatu proses soal jawab antara penyelidik dengan subjek kajian untuk mendapatkan data, keterangan, persepsi atau pendapat daripada subjek tersebut. Teknik ini sangat penting untuk mendalami perspektif responden kerana tidak semua data yang berkaitan dengan faktor pendorong wanita tidak bekerja dapat terungkap hanya dengan set soalan atau temubual biasa. Dalam kajian kualitatif, temubual mempunyai dua fungsi iaitu (1) sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data dan (2) merupakan bahagian penting daripada pemerhatian ikut serta (*participation observation*). Dalam kajian ini, jenis temubual yang digunakan ialah temubual secara mendalam berdasarkan panduan soalan yang disediakan. Menerusi teknik ini, pelaksanaannya dapat dikembangkan sesuai dengan alur informasi yang disampaikan oleh responden dengan tidak menyimpang daripada permasalahan yang diajukan dalam kajian.

Pengumpulan data melalui temubual mendalam bertujuan memperoleh informasi dengan sebanyak-banyaknya daripada responden. Informasi atau data yang diperoleh daripada responden yang dijadikan sebagai panduan utama sangat penting bagi menentukan siapa yang layak menjadi responden berikutnya. Temubual mendalam dimanfaatkan bagi tujuan mengumpul data yang bersifat peribadi, mempunyai nilai privasi dan hanya mungkin diungkapkan kepada orang yang dipercayai.

Kajian perpustakaan

Untuk memperoleh data yang lengkap di samping menggunakan teknik temubual mendalam, data dalam kajian ini juga didapati daripada analisis dokumen yang berkaitan dengan dilema wanita berpendidikan tinggi antara berhenti bekerja atau tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Dokumen ini digunakan untuk melengkapi dan memperkuat data yang didapati daripada proses temubual. Dokumen tersebut membantu penyelidik untuk menganalisis sumber-sumber sekunder lain kerana kebanyakan situasi yang dikaji mempunyai sejarah dan ia juga boleh membantu dalam memperdalam konteks kajian. Dokumen yang dapat digunakan untuk sumber informasi seperti artikel pidato Datuk Seri Najib Tun Razak, akhbar Utusan Malaysia, *Report of The World Conference of The International Women's Year*, kandungan status Facebook responden, album aktiviti di Facebook dan media sosial yang lain.

Keabsahan Data

Menurut Rashid Mail dan Raman Noordin (2012), kredibiliti sesuatu kajian ilmiah sering dikaitkan dengan perspektif kualiti. Oleh itu, elemen keabsahan data mewakili kredibiliti penyelidik sendiri serta institusi yang diwakilinya. Konsep keabsahan dalam sesuatu kajian berkait rapat dengan konsep pengukuran iaitu peranan yang dimainkan oleh penyelidik untuk melaksanakan proses pengukuran ke atas apa yang dikaji (Rashid dan Raman 2012: 158). Kaedah

triangulasi telah digunakan untuk menguji keabsahan data yang diperoleh menerusi soal jawab dengan responden. Menurut Alan Bryman (2012), kaedah ini merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu pendekatan dalam memastikan keabsahan suatu data yang diperoleh.³ Triangulasi merupakan *cross-validation* atau proses pengesahan yang bersilang untuk kajian kualitatif yang merujuk kepada penggunaan satu atau lebih kaedah dalam kajian. Kaedah ini turut digunakan untuk menaksir kecukupan data mengikut pemusatan kepelbagaian prosedur pengumpulan sumber data (Wiersma 1986).

Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan kaedah triangulasi dengan meneliti status dan album foto oleh setiap responden. Penyelidik mendapati bahawa setiap album dan status keseluruhan responden adalah berkisar tentang tanggungjawabnya sebagai pengurus rumah tangga. Setiap foto yang dimuat naik ke album laman sosial adalah foto bersama keluarga. Oleh itu, dalam kajian ini keabsahan data teruji melalui analisis yang dibuat di setiap data dan foto responden melalui laman sosial.

Teknik Analisis Data

Data yang diperoleh daripada jawapan responden diolah dengan cara deskriptif kualitatif, iaitu data dihuraikan sehingga dapat diketahui faktor *nature* dan *nurture* yang mendorong wanita berpendidikan tinggi memilih berhenti bekerja atau tidak bekerja. Dalam perlaksanaannya, analisis data kualitatif dilakukan dengan tiga langkah sistematis secara jalin- menjalin (Lexy J. Moleng, 2007) iaitu reduksi data, penyajian data, dan penarikan simpulan.


- Reduksi data
Reduksi data dilakukan dengan pemilihan informan, pengumpulan informasi data ke dalam pola yang telah ditetapkan, pemilihan terhadap dokumen yang diperlukan, serta pengembangan kenyataan yang ingin diuji atau *proposition*. Dalam reduksi, data melalui proses pemilihan, pemusatan perhatian pada simplifikasi dan pengolahan data kasar yang didapati daripada catatan bertulis temubual.
- Penyajian data
Penyajian data dilakukan dengan cara deskriptif, iaitu merangkaikan dan menyusun maklumat yang memberi kemungkinan adanya penarikan simpulan atau pengaturan informasi yang kompleks ke dalam kesatuan bentuk yang disederhanakan, selektif, dan mudah difahami. Penyajian data menggunakan teks naratif yang dilengkapi dengan jaringan kerja yang berkaitan, sehingga semua informasi yang disusun mudah dilihat dan difahami.
- Penarikan kesimpulan
Penarikan kesimpulan iaitu suatu kegiatan konfigurasi yang utuh atau *review* terhadap catatan-catatan lapangan dengan maksud untuk menguji kebenaran dan keabsahan makna yang muncul di lokasi kajian. Setelah memiliki landasan yang kuat, kesimpulan dapat disusun lebih mendalam dan utuh.

Burhan Bungin (2013) berpendapat bahawa teknik analisis kualitatif dapat dilakukan dengan beberapa cara seperti analisis kandungan, analisis domain, analisis taksonomi atau himpunan kategori, analisis komponensial dan analisis tema budaya. Dalam penyelidikan ini, teknik analisis data yang diimplementasikan adalah analisis domain. Analisis domain digunakan untuk menganalisis gambaran objek peneliti secara umum atau di tingkat permukaan tetapi

mempunyai kaitan erat dengan objek penelitian tersebut. Teknik analisis ini terkenal sebagai teknik yang dipakai dalam penelitian yang bertujuan eksplorasi.

Pendekatan Konseptual

Daripada Rajah 1 di bawah, wanita berkerjaya yang telah berkahwin tidak kira sama ada mempunyai tahap pendidikan tinggi ataupun tidak, pasti akan berhadapan dengan pelbagai beban peranan. Oleh itu, sokongan sosial yang baik adalah sangat penting untuk membantu meringankan beban dwi-peranan yang dihadapi oleh mereka. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, 'sokongan' boleh diterjemahkan sebagai sesuatu perbuatan atau pertolongan dengan menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kebendaan dan kewangan. Manakala istilah 'sosial' pula didefinisikan sebagai segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat dan kemasyarakatan. Secara ringkasnya, sokongan sosial boleh ditafsirkan sebagai pertolongan ataupun bantuan melalui persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kewangan dan kebendaan kepada segala yang berkaitan dengan perihal masyarakat. Dalam konsep ini, sokongan sosial dibahagikan kepada sokongan suami, penyediaan kemudahan perkhidmatan sosial dan sokongan daripada pihak majikan.



Rajah 1: Pendekatan Konseptual**

** Rajah pendekatan konseptual ini disesuaikan daripada analisa kajian pustaka seperti yang diterangkan di bawah.

Sokongan moral yang kurang daripada suami seperti pembahagian kerja dalam rumah tangga iaitu memasak, mengemas dan menguruskan rumah, menjaga anak dan tugas-tugas domestik lain turut menjadi penyumbang kepada masalah ini. Wanita yang sudah berkahwin dan berkerjaya akan menghadapi konflik peranan ganda melebihi kaum lelaki yang menjadi suami dan bapa. Wanita perlu menyiapkan tugas di pejabat dan apabila kembali ke rumah mereka melakukan kerja-kerja domestik pula. Killian (1952) berpendapat bahawa lelaki menghadapi

konflik yang dianggap tidak nyata ataupun bersifat '*latent*'. Hal ini kerana, walaupun lelaki juga memegang pelbagai tanggungjawab iaitu sebagai seorang bapa, suami dan pekerja tetapi separuh daripada tanggungjawab tersebut dilakukan pada masa-masa tertentu sahaja (Fatimah 1985: 83). Kenyataan ini disokong oleh pendapat Hall (1972) yang menyatakan bahawa kaum lelaki lazimnya melaksanakan peranan mereka satu demi satu dan apabila sesebuah keluarga menghadapi masalah besar kemungkinan menyebabkan wanita melepaskan jawatan mereka.

Penyediaan perkhidmatan sosial seperti pusat penjagaan anak-anak pekerja yang tidak disediakan atau tidak diselenggarakan dengan baik juga menjadi aspek penting yang dikaji. Hal ini kerana, walaupun mendapat sokongan sepenuhnya daripada pasangan, wanita sendiri merasa serba salah untuk meninggalkan anak mereka terutama yang berusia 0-7 tahun di pusat jagaan. Keadaan pusat jagaan yang tidak menepati kriteria-kriteria tertentu dari aspek keselamatan anak dan kebersihan kawasan serta komitmen pekerja pusat jagaan turut menimbulkan kebimbangan kepada kaum wanita.

Ketidaksedaran mengenai peranan reproduktif pekerja wanita oleh pihak majikan turut menyumbang kepada wanita berpendidikan tinggi melepaskan jawatan atau tidak bekerja dan mengambil keputusan menjadi suri rumah sepenuh masa. Peranan reproduktif merujuk kepada peranan seorang ibu atau bapa yang berkait khususnya dengan kehamilan dan kelahiran anak. Disebabkan hanya wanita yang mengandung dan melahirkan anak, peranan reproduktif kebanyakannya dimainkan oleh wanita. Peranan ini tidak mempunyai nilai kewangan dan masih dipandang rendah oleh majikan khususnya.

Selain itu, faktor individu merupakan pendorong kepada seseorang untuk mengambil keputusan. Sikap individu terhadap hubungan perkahwinan iaitu ingin memberikan komitmen sepenuhnya sebagai isteri atau ibu dan ingin memenuhi tanggungjawab menyelenggarakan tugas-tugas rumahtangga sahaja tanpa terikat dengan beban yang lain. Selain itu, persepsi ataupun tanggapan bahawa wanita yang bekerja tidak dapat menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dengan baik sering juga dikaitkan sebagai faktor wanita mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan mereka dalam sektor pekerjaan.

Seterusnya, hubungan perkahwinan juga turut menjadi penyumbang kepada faktor wanita mengambil keputusan untuk berhenti bekerja. Hal ini kerana kedudukan suami sebagai pembuat keputusan utama dalam keluarga ditambah juga dengan bilangan anak yang mungkin akan bertambah menyebabkan wanita mula berfikir akan kedudukannya sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga. Di samping itu, tekanan budaya dan isu-isu gender turut menyebabkan masalah ini semakin meruncing. Budaya telah mengatur peranan wanita dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya, masyarakat meletakkan wanita tidak sesuai berada pada kedudukan sebagai pembuat keputusan kerana sifatnya yang dikatakan lebih emosi berbanding lelaki yang rasional. Tekanan budaya secara langsung telah mengarahkan wanita untuk berada di rumah dan menguruskan hal ehwal berkaitan rumah tangga manakala lelaki ataupun suami sebagai pencari nafkah utama ataupun "*breadwinner*" untuk menampung kehidupan keluarga.

Selain itu, tekanan budaya yang lain ialah apabila sesebuah keluarga menghadapi masalah besar kemungkinan wanita melepaskan jawatan mereka. Hal ini berlaku disebabkan kecenderungan budaya melihat kerja yang dilakukan oleh wanita sebagai sekunder atau *secondary* dan subordinat atau *subordinate* kepada lelaki. Pekerjaan wanita dianggap bertujuan membantu suami atau ketua keluarga (kebiasaannya lelaki) walaupun hakikatnya penggunaan tenaga kerja wanita dalam sesuatu pekerjaan adalah sama penting dan merupakan satu jalinan tenaga kerja yang saling melengkapi antara satu sama lain. Konsep 'membantu' memberikan implikasi kepada peranan yang dimainkan oleh wanita yang dianggap sebagai *invisible* manakala kerja lelaki adalah *visible*. Budaya juga telah menganggap pendapatan yang disumbangkan oleh wanita sebagai *supplementary* atau tambahan kepada pendapatan suami. Beneria berpendapat bahawa:

When women work as wage earners, they are concentrated in the least permanent and the least paid activities. Their primary concentration in tasks related to reproduction has two main consequences. One is that for patriarchal society, production is men's primary concentration; women's involvement in the area of production is viewed as secondary to their reproductive activities hence the basis for their marginality and secondary role in production. In addition women's earnings are viewed as complementary and not as primary source of family income - hence the basis for women's low earnings and for wage discrimination. (Beneria 1980: 13).

Walaupun pernyataan Lourdes Beneria (1980) berdasarkan pandangan beliau kepada wanita dalam masyarakat desa, tetapi dapat dilihat dengan jelas bahawa pekerjaan yang berkaitan *reproduction* merupakan tanggungjawab utama bagi kaum wanita dan suami pula sebagai pencari nafkah ataupun melakukan pekerjaan yang berkaitan dengan *production*. Sebagai contoh, masalah yang dihadapi pada masa kini adalah dalam kalangan wanita yang sudah bersuami dan mempunyai anak yang keluar bekerja sepenuh masa. Wanita terpaksa mematuhi pelbagai arahan di pejabat sama ada dari segi kedatangan mengikut waktu atau mematuhi arahan di dalam pejabat atau di luar pejabat.

Situasi seumpama ini kadangkala mempengaruhi emosi dan perasaan lantas memberikan kesan terhadap kehidupan rumahtangga dan keluarga. Ada masanya apabila suami atau anak-anak jatuh sakit, sedangkan isteri atau ibu terpaksa bekerja. Dalam situasi begini, wanita akan menjalankan tugasnya dengan perasaan yang berbelah bahagi dan gelisah. Masalah akan menjadi lebih gawat lagi apabila di rumah tidak ada pembantu yang sesuai atau tidak ada tempat asuhan kanak-kanak yang terjamin dan sempurna untuk menjaga anak-anak mereka.

Budaya patriarki yang sinonim dengan kehidupan peradaban manusia juga turut menjadi penyumbang kepada masalah ini. Walau bagaimanapun, patriarki mempunyai sejarah dalam pemikiran feminis dan digunakan oleh feminis terdahulu seperti Virginia Woolf. Konsep patriarki juga telah digunakan dalam aliran feminis untuk menganalisa prinsip dalam penindasan terhadap wanita. '*Patriarch*' adalah bapa atau pemimpin sesebuah keluarga. Konsep ini telah digunakan untuk menjelaskan kuasa dan autoriti dalam rumahtangga serta order sosial dengan menyatakan bahawa:

"At the most general level patriarchy has been used to refer to male domination and to the power relationships by which men dominate women" (Beechey 1979: 66).

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa dominasi lelaki bukan sahaja di dalam rumahtangga tetapi di mana sahaja selagi situasi wanita tertindas atau menghadapi tekanan. Pendominasian kaum lelaki berlaku juga di tempat kerja. Isu patriarki ini sangat berleluasa di tempat kerja sehinggakan berlaku banyak ketidakseimbangan atau ketaksamarataan antara kaum lelaki dan wanita dan antara lelaki dengan lelaki. Menurut Kate Millet seperti yang dipetik oleh Beechey (1979), patriarki merujuk kepada masyarakat yang mengamalkan prinsip-prinsip di mana kaum lelaki boleh mendominasi kaum wanita dan lelaki yang lebih tua boleh mendominasi lelaki yang lebih muda daripada mereka (Beechey 1979:68).

Sebagai contoh, dalam penerimaan upah, pemilihan kerja, promosi di tempat kerja, kedudukan wanita di tempat kerja dan banyak lagi, maka tidak hairanlah jika tekanan budaya seperti patriarki ini menjadi salah satu sebab mengapa wanita melepaskan jawatan mereka dalam bidang pekerjaan. Gerda Lerner (1986) berpendapat bahawa masyarakat tradisional ataupun moden sebenarnya telah distrukturkan mengikut norma patriarki. Situasi ini memaksa wanita untuk membuat pilihan sehingga ada antara mereka yang sanggup berpisah dengan suami dan anak-anak demi mengejar kecemerlangan kerjaya dan melibatkan diri secara langsung dalam

pembangunan negara, dan tidak kurang pula antara mereka yang berhenti kerja kerana ingin memenuhi tanggungjawab menguruskan tugas rumahtangga sahaja.

Faktor-Faktor Wanita Berpendidikan Tinggi Tidak Bekerja Atau Berhenti Bekerja

Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006: 136) menegaskan bahawa wanita Malaysia tidak didiskriminasikan dari sudut pendidikan, umpamanya dari aspek kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Perubahan ekonomi yang berlaku pada masa sekarang menyebabkan kaum wanita memilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini sebenarnya didorong oleh kepercayaan bahawa semakin tinggi kelulusan yang dimiliki semakin baik peluang pekerjaan yang akan diperolehi. Peningkatan mobiliti sosial dan keperluan ekonomi telah mendesak wanita untuk menyertai sektor pekerjaan.

Abraham Maslow (1968) menjelaskan bahawa pekerjaan merupakan sebahagian daripada keperluan manusia untuk memenuhi keperluan asas kehidupan seperti keselamatan, makanan, tempat tinggal, dan mencapai taraf hidup yang lebih baik. Kerjaya dan keluarga merupakan dua komponen yang sangat penting dalam kehidupan seseorang terutamanya kepada wanita tetapi ia juga menyumbang kepada berlakunya tekanan. Wanita yang sudah berkahwin dan berkerjaya biasanya berhadapan dengan pelbagai bebanan peranan. Keadaan ini menjadikan kehidupan wanita menjadi lebih kompleks. Jamilah Ariffin (2006) berpendapat bahawa wanita berkerjaya yang berperanan sebagai pekerja, isteri dan ibu dilihat memikul tanggungjawab dwiperanan atau peranan berganda.

Peranan ideal wanita dilihat lebih terikat dengan aspek normatif berdasarkan apa yang diamalkan dan dipercayai oleh masyarakat. Di Malaysia, penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dilihat sebagai kepentingan sandaran selepas peranan utamanya sebagai ibu dan pengurus rumah tangga. Kepercayaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi urusan membuat polisi dan menghalang kemajuan pemimpin wanita. Di sudut yang lain, wanita Malaysia juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi tetapi pandangan tradisional bahawa tempat wanita adalah di rumah masih kuat dipraktikkan (Tan 1992). Kebanyakan wanita zaman sekarang telah mula keluar dari kepompong domestik dan menyertai arena awam iaitu bidang pekerjaan. Keadaan ini telah mendesak wanita mematuhi pelbagai arahan di tempat kerja sama ada dari aspek kedatangan, mematuhi arahan daripada majikan atau penyelia, tempoh melaksanakan tugas tertentu dan lain-lain.

Menurut Pahl (1984) dan disokong oleh Pearson (2000), sesuatu pekerjaan yang dilakukan oleh golongan lelaki diberi nilai yang lebih tinggi berbanding pekerjaan yang dilakukan oleh golongan wanita. Hal ini disebabkan oleh stigma masyarakat yang sering menganggap status wanita sebagai *inferior* dan tugas utama wanita adalah menguruskan hal ehwal rumah tangga. Pekerjaan secara langsung menjadikan seseorang wanita memiliki kuasa kewangan dan ekonomi yang membawa kepada mereka berdikari. Walau bagaimanapun, penglibatan wanita dalam arena pekerjaan tidak dapat mengurangkan ekspektasi masyarakat dan budaya terhadap tugas mereka sebagai pengurus rumah tangga. Wanita yang bekerja terpaksa mematuhi beberapa peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak majikannya (Strange 1981) di samping tetap menjaga peranannya sebagai ibu dan isteri. Rohaiza Rokis (2009) menyatakan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 turut mempengaruhi nilai tradisional masyarakat Malaysia dalam pelbagai aspek kehidupan dan tiada halangan untuk wanita turut serta dalam proses pembentukan negara bangsa. Walau bagaimanapun, ekspektasi budaya tradisional ke atas wanita, pekerjaan dan keluarga tidak mengalami perubahan yang setimpal. Berikut merupakan faktor-faktor wanita berpendidikan tinggi tidak bekerja atau berhenti bekerja.

Kemudahan Perkhidmatan Sokongan Sosial

Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Malaysia telah ditubuhkan bagi memberi laluan kepada kaum wanita untuk terlibat secara aktif dalam tenaga buruh. Menyedari keperluan tersebut, maka Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 508) diwujudkan agar perkhidmatan yang disediakan selaras dengan panduan berkaitan yang berfokus terhadap perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan penghuninya.⁴ Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul adalah sejauh manakah perkhidmatan yang disediakan mematuhi garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.

Kebelakangan ini, isu kematian bayi yang disebabkan oleh kecuaiannya pihak pengurusan pusat penjagaan kanak-kanak semakin banyak dilaporkan. Keadaan ini amat membimbangkan ibu bapa yang bekerja yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Kebimbangan ini merupakan faktor terpenting yang mendorong wanita berpendidikan tinggi berhenti bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Wanita yang bergelar ibu amat menitikberatkan soal penjagaan anak. Kebanyakan daripada mereka berada dalam keadaan tertekan untuk melaksanakan tugas dengan sempurna sekiranya anak menghadapi masalah.

James S. House (1981) telah mengklasifikasikan sokongan sosial kepada empat kategori iaitu sebagai sokongan emosi, bantuan yang bersifat instrumental, maklumat, dan penilaian yang diberikan kepada seseorang individu. Sokongan emosi adalah berkaitan dengan perkongsian pengalaman hidup yang melibatkan kesefahaman, kasih sayang dan kepercayaan. Sementara itu, bantuan instrumental pula melibatkan peruntukan bantuan dan perkhidmatan secara langsung kepada individu yang memerlukan. Manakala sokongan maklumat pula melibatkan peruntukan nasihat dan cadangan kepada seseorang individu untuk menangani masalah. Penilaian melibatkan penyediaan maklumat yang berguna untuk tujuan penilaian sendiri, maklum balas yang membina, ikrar dan perbandingan sosial.

Walaupun bagaimanapun, terdapat penyelidik yang telah mengenal pasti beberapa perbezaan sokongan yang disediakan seperti, pengucapan positif, pernyataan bersetuju dengan kepercayaan atau perasaan orang lain, menggalakkan pernyataan perasaan, pemberian nasihat dan maklumat dan bantuan kecemasan (Aminah, et, al. 1999). Sokongan sosial juga bertindak sebagai faktor 'pelindung' terhadap keterdedahan orang ramai kepada kesan-kesan tekanan ke atas kesihatan.

Kewujudan pusat jagaan kanak-kanak yang terjamin dari aspek keselamatan dan kebersihan menjadi isu global tidak kira sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Masalah ini juga turut dihadapi oleh semua golongan wanita tidak kira sama ada dari kelas bawahan, pertengahan mahupun atasan. Wanita yang berkerjaya kebanyakannya tinggal jauh daripada keluarga dan menghadapi dilema untuk memilih pusat jagaan yang sesuai bagi anak-anak mereka. Di samping itu, isu kelemahan sistem sokongan sosial merupakan isu yang tidak pernah selesai. Masalah penyediaan penjagaan alternatif kepada anak kecil kepada ibu berkerjaya terus menjadi masalah yang serius di Malaysia (Kamariah 1986). Hal ini disebabkan oleh, keadaan ekonomi dan sosial yang semakin kompleks telah memaksa wanita untuk keluar bekerja dan menjana pendapatan sendiri. Walau bagaimanapun, isu kemalangan yang disebabkan oleh kecuaiannya pihak Taska atau pusat penjagaan ini membuat ibu yang berkerjaya terpaksa mengambil keputusan untuk berhenti bekerja dan menumpukan perhatian terhadap penjagaan anak.

Majoriti daripada responden mengambil keputusan untuk berhenti bekerja atau tidak bekerja atas dorongan yang kuat daripada kelemahan sistem sokongan sosial. Menurut salah seorang daripada responden,

"Hasrat saya setelah mengambil keputusan untuk berhenti bekerja ialah untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap penjagaan anak dan rumah tangga. Hal ini kerana, saya mempunyai pengalaman yang amat mengerikan apabila anak saya yang pertama meninggal di tempat penjagaan disebabkan kecuaihan pihak tersebut." (R7, 27 tahun, Kuala Lumpur)

"Pengalaman bekerja di tempat penjagaan bayi semasa masih belajar dahulu amat merisaukan apabila saya melihat sendiri bagaimana penjagaan bayi diuruskan. Selain itu, pengalaman saya sendiri pernah didera oleh pengasuh semasa kecil menjadikan saya takut untuk meninggalkan anak saya di pusat penjagaan." (R4, 27 Tahun, Kuala Lumpur)

Masalah penjagaan anak menjadi isu sosial yang perlu diambil berat oleh semua termasuk pihak majikan. Kerajaan Malaysia telah menggubal satu dasar berkaitan isu penyediaan pusat jagaan anak oleh pihak majikan untuk menangani masalah ini. Walau bagaimanapun, komitmen yang diberikan oleh pihak majikan sama ada sektor kerajaan ataupun swasta tidak membantu menjayakan dasar ini.

Pemilihan perkhidmatan penjagaan anak harus dibuat dengan teliti agar penyertaan wanita berpendidikan tinggi yang sudah berkahwin dan mempunyai anak kecil dalam tenaga kerja dapat ditingkatkan. Dengan adanya pusat asuhan, anak-anak boleh diletakkan di tempat kerja ibu atau di tempat kerja bapa. Secara tidak langsung tanggungjawab menjaga anak boleh dibahagikan sama rata antara lelaki dan wanita. Malah dasar mesra keluarga juga akan tercapai dengan sendirinya. Oleh itu, pusat asuhan secara tidak langsung dapat memupuk semangat saling menolong antara satu sama lain, tanpa wujudnya sikap salah-menyalahkan. Hal ini kerana, bantuan yang diberikan oleh suami dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa, menjadikan hasrat "Rumahku Syurgaku" akan turut tercapai. Pusat penjagaan anak-anak juga dapat mengelakkan pelbagai gejala sosial yang berpotensi besar berlaku kepada anak-anak yang balik ke rumah yang "kosong" tanpa kedua ibu bapa. Daripada perspektif organisasi pula, pusat asuhan bukan sahaja mendapat potongan cukai sebanyak 10 peratus tetapi juga akan membantu mengurangkan masalah berhenti kerja dalam kalangan pekerja wanita.

Oleh yang demikian, kesedaran terhadap pusat jagaan anak-anak di tempat kerja akan dapat meleraikan masalah kehilangan modal insan wanita yang berharga. Keperluan bantuan pusat asuhan akan lebih dirasakan kerana peratusan wanita berkahwin yang bekerja pada tahun 2002 sudah mencecah 62.5 peratus. Ditambah pula dengan 60 peratus pelajar di institusi pengajian tinggi ialah wanita. Kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa kehadiran wanita di tempat kerja akan meningkat. Walaupun penjagaan anak adalah tanggungjawab suami isteri, kadangkala naluri keibuan itu sendiri membuat wanita lebih rela menggalas tanggungjawab dalam membesarkan anak. Oleh itu, kewujudan pusat penjagaan anak adalah satu langkah yang tepat.

Bantuan Suami

Semakin ramai wanita yang terlibat dalam sektor pekerjaan berupah bermakna wanita semakin dibebani dengan peranan dwi-pekerjaan iaitu terhadap rumahtangga dan tempat kerja. Keadaan ini sebenarnya menyumbang kepada pelbagai tekanan terhadap wanita sekiranya mereka tidak mampu untuk mengimbangi tugas di tempat kerja dan peranan sebagai ibu atau isteri di rumah. Wanita berpendidikan tinggi berkemungkinan mempunyai suami yang mempunyai tahap pendidikan yang sama dan lelaki yang berpendidikan tinggi berfikiran lebih terbuka tentang peranan seorang wanita (Wong 1976: 24). Keadaan ini sebenarnya menjelaskan bahawa suami yang berpendidikan tinggi lebih bersedia untuk berkongsi peranan domestik yang selalunya ditetapkan terhadap wanita. Hal ini dibuktikan oleh responden yang mengakui

bahawa walaupun tidak bekerja di luar rumah, suami mereka tetap memberikan pertolongan dalam melakukan kerja-kerja rumah.

Kepercayaan tentang Peranan Keibuan dan Isteri

Peralihan status daripada seorang isteri kepada seorang ibu merupakan tingkat peralihan yang sangat besar dalam kehidupan kebanyakan wanita. Bilangan anak dan tingkat umur turut memberikan kesan ke atas penglibatan wanita dalam tenaga kerja (Gottfried 2013: 105). Idea yang menyatakan bahawa semua wanita perlu menjadi ibu dan mereka perlu mencapai kepuasan daripada peranan tersebut dikenali sebagai *compulsory motherhood* (peranan keibuan yang wajib dipikul) (Coltrane 1998: 90). Menurut pandangan ini, tujuan sebenar wanita adalah untuk menjadi ibu dan mereka terikat dengan identiti ini (Coltrane 1998: 90). Konsep ini juga telah menetapkan bahawa wanita perlulah mencari jalan untuk memenuhinya terutamanya untuk memiliki anak dan menjaganya. Kerjaya yang telah dibina bertahun-tahun terpaksa ditinggalkan demi keluarga kerana masyarakat masih beranggapan isu menjaga anak dan menguruskan rumah tangga, merupakan tanggungjawab wanita. Gottfried (2013) juga mempunyai pendapat yang sama bahawa penilaian moral atau '*moral judgment*' yang meletakkan makna untuk menjadi seorang ibu yang baik adalah diukur daripada praktik dan dedikasi terhadap penjagaan anak. Kesannya, pembabitan aktif wanita dalam pembangunan arus perdana masih tidak begitu membanggakan (Nor Affizar 2013) .

Situasi ini biasanya dipengaruhi oleh sikap individu sendiri dan secara langsung turut menjadi pendorong kepada wanita berpendidikan tinggi mengambil keputusan untuk berhenti bekerja atau tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Wilson dan Smith (1993) berpendapat bahawa persepsi umum terhadap konsep peranan telah menghasilkan idea tentang kedudukan wanita dalam masyarakat, terutamanya sikap terhadap wanita dalam tenaga buruh. Keadaan ini sebenarnya turut menyumbang kepada pendapat bahawa wanita ataupun isteri hanyalah berperanan sebagai sokongan kepada pasangannya, manakala suami pula sebagai pencari nafkah utama. Oleh itu, pengurusan anak dan rumahtangga merupakan pilihan yang terbaik untuk seseorang wanita yang sudah berkahwin (Wilson dan Smith 1993: 67-68).

Keadaan ini diakui oleh responden-responden berikut mengenai peranan seorang ibu dan isteri.

'Faktor yang mendorong saya mengambil keputusan ini adalah untuk menumpukan perhatian dalam membesarkan anak-anak dan memberi lebih peluang untuk suami menumpukan perhatian dan maju dalam kerjaya.' (R6, 39 Tahun, Pulau Pinang)

'Faktor-faktor yang mendorong mengambil keputusan untuk menjadi suri rumah sepenuh masa ialah untuk memberi perhatian terhadap penjagaan anak-anak dan rumah tangga.' (R9, 37 Tahun, Puchong)

'Tanggungjawab utama isteri dan ibu ialah mengasuh anak dan mengurus rumahtangga.' (R2, 28 Tahun, Shah Alam)

'Saya merasakan bahawa menjadi tanggungjawab saya untuk memasak, menguruskan keperluan suami dengan baik dan menguruskan rumahtangga. Saya ingin membesarkan sendiri anak-anak dengan pendidikan dan belaian. Hal ini kerana bagi saya, anak-anak bakal menjadi ummah dan ummah yang baik bermula daripada keluarga yang berjaya. Selain itu, ilmu ijazah boleh digunakan untuk mendidik anak dan mengurus rumah.' (R1, 26 Tahun, Terengganu)

'Pendorong kepada keputusan ini ialah atas perasaan ingin mendidik anak dengan acuan saya sendiri. Selain itu, ingin merasai sepenuhnya bagaimana menjadi seorang ibu. Hal ini kerana, jika saya bekerja, saya merasakan saya hanya menjadi ibu untuk separuh hari sahaja.' (R4, 27 Tahun, Kuala Lumpur)

'Saya memilih untuk berhenti bekerja kerana saya dapat menjaga anak sendiri, menyediakan makanan, minuman dan pakaian untuk anak-anak dan suami.' (R3, 26 Tahun, Putrajaya)

'Apabila anak saya sakit, saya berasa bersalah untuk meninggalkannya kepada penjaga bayi. Biasanya, mereka memerlukan saya di sisi dan mereka akan menangis. Saya rasa terluka apabila melihat mereka sakit dan saya tidak bersama mereka. Di tempat kerja, saya tidak dapat memberikan perhatian dan komitmen yang sepenuhnya kerana memikirkan keadaan anak saya yang ditinggalkan bersama penjaga. Saya akan menghubungi penjaga setiap jam untuk bertanya keadaan anak saya dan hati saya berasa tidak tenteram jika saya tidak melakukannya. Keadaan ini akhirnya mendorong saya untuk terus berhenti bekerja dan menjaga anak saya sendiri.'

Seorang bekas pegawai tadbir di sebuah jabatan kerajaan turut menyatakan rasa bersalah untuk meninggalkan anak yang masih kecil yang memerlukan perhatian yang mendalam oleh seorang ibu. Malah keseluruhan responden wanita yang terlibat iaitu seramai 18 orang ini menyatakan kesanggupan untuk berhenti kerja kerana perasaan bersalah membelakangkan keluarga dan tiada masa santai atau bermesra untuk anak-anak, suami ataupun diri sendiri.

'Saya bimbang jika kehilangan kasih bayi sendiri apabila orang lain yang menjaganya sejak kecil. Saya tidak sanggup menghadapinya jika bayi saya menyayangi orang lain (pengasuh) melebihi diri saya.' (R4, 27 Tahun, Kuala Lumpur)

'Pendorong kepada keputusan ini ialah untuk menumpukan perhatian dalam membesarkan anak-anak dan memberi lebih peluang untuk suami menumpukan perhatian dan maju dalam kerjaya. Yakni, jika ada keperluan untuk pergi tugas luar ke bandar atau negara lain. Penjagaan makanan, solat dan asas agama perlu dipupuk dari kecil.' (R6, 39 Tahun, Pulau Pinang)

'Saya merasakan satu tanggungjawab yang besar untuk mendidik anak-anak dengan tangan sendiri. Pada tahun akhir saya di universiti, anak sulung saya meninggal disebabkan kecuai pusat penjagaan, keadaan ini menguatkan hasrat untuk berhenti bekerja dan saya tidak lagi mempercayai orang lain untuk menjaga anak saya.' (R7, 27 tahun, Kuala Lumpur)

'Saya melahirkan bayi pra-matang yang memerlukan perhatian yang maksimum dan doktor yang merawatnya menasihatkan saya menjaganya sendiri.' (R8, 31 tahun, Puchong)

M.J Weismantel (1988) dan M.J Gannon (1994) menyatakan bahawa lelaki dijangka berperanan sebagai pencari nafkah, ketua keluarga dan pembuat keputusan dalam hal-hal rumah tangga. Manakala wanita pula sebagai penjaga dan pemberi makanan kepada keluarga di samping dilihat sebagai pembantu kepada lelaki (Manderson 1986; Ellis 1983; Mucon 1997; Caplan 1997; Feldman-Savelsberg 1996). Lenore Manderson (1986) juga turut menyatakan bahawa tugas menyediakan makanan merupakan tanggungjawab utama dan juga simbol perkahwinan bagi wanita (Manderson 1986: 12). Respons-respons di atas menyokong pandangan pengkaji-pengkaji ini bahawa wanita masih terikat dengan ekspektasi-ekspektasi normatif ke atas wanita yang sukar untuk dilepaskan. Peranan tradisional di rumah, telah secara langsung mendorong wanita mengambil keputusan untuk berhenti bekerja. Hal ini kerana, sesetengah wanita berasa

tidak tenteram semasa bekerja kerana risaukan anak-anak di tempat penjagaan. Selain itu, golongan wanita berpendidikan tinggi berpendapat bahawa kerja sepenuh masa menyebabkan mereka mempunyai masa yang sedikit untuk menjalankan peranan mereka sebagai isteri dan ibu semasa di rumah. Walau bagaimanapun, golongan wanita Melayu yang menjadi subjek kajian tidak pernah merasakan konflik peranan yang dihadapi oleh mereka sebagai suatu bentuk ketidakseimbangan peranan gender kerana mereka dikonstruksikan secara sosial oleh norma-norma budaya dan agama yang mengekspektasikan mereka untuk bersifat sedemikian.

Kesimpulan

Peranan dan status wanita Malaysia mengalami perubahan yang begitu ketara sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957. Wanita dilihat sebagai penyumbang terpenting ke arah pertumbuhan ekonomi negara ke peringkat yang lebih baik. Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan dengan kerjasama sektor swasta telah berusaha untuk melibatkan wanita secara optimum dalam proses pembangunan negara di samping membantu meningkatkan status golongan ini.

Bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam, perhatian secara khusus diberikan kepada wanita dalam aspek pembangunan yang turut menggariskan strategi-strategi penting yang akan menjadi pemangkin kepada peningkatan status wanita. Usaha kerajaan dilihat tetap diteruskan melalui rancangan lima tahun berikutnya. Antara strategi yang digunakan untuk membolehkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan ekonomi negara ialah meningkatkan penglibatan wanita dalam tenaga buruh, meningkatkan peluang pendidikan dan latihan dalam memenuhi keperluan ekonomi semasa, penguatkuasaan undang-undang yang lebih baik untuk melindungi wanita di sektor pekerjaan dan sebagainya.

Selain itu, penggubalan Dasar Wanita Negara merupakan titik permulaan pengiktirafan kerajaan secara formal terhadap wanita sebagai sumber pembangunan negara. Dasar ini bertujuan untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada peringkat perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bagi memastikan penyertaan wanita tidak terabai. Kesannya, keadaan dan kedudukan wanita Malaysia bertambah baik dari semasa ke semasa. Namun begitu, masih banyak usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk membolehkan wanita memberikan sumbangan secara lebih berkesan dalam proses pembangunan negara dan memperbaiki status kehidupan mereka.

Walaupun bagaimanapun, satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah kesan yang timbul akibat penglibatan wanita dalam aspek pembangunan negara terutamanya bagi wanita yang sudah berkahwin. Cabaran utama adalah bagaimana untuk mengimbangi peranan antara tuntutan keluarga dan kerjaya supaya tidak menimbulkan konflik. Penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi sememangnya menguntungkan negara, namun penyelesaian untuk mengatasi konflik kerjaya dan keluarga yang dihadapi oleh wanita perlu diberikan perhatian yang lebih serius. Jika lebih ramai wanita berpendidikan tinggi dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui sektor pekerjaan, sudah pasti potensi negara untuk melonjak ke status negara maju menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai seiring dengan pembangunan masyarakatnya yang seimbang.

Nota

- ¹ Haryana Rozana adalah pelajar pascasiswazah di Rancangan Pengajian Gender Universiti Malaya. No. Tel/Fax: 016-6219013/ +603-7967 7369. Alamat e-mel: yana_22virgirl@yahoo.com.my
- ² Malaysia's Gender Gap Index (MGGI). Dilawat pada 30 September 2013. (<http://www.kpwm.gov.my/documents/10156/3647fe72-526c-4b81-9eeb-29384e876c2b>).

- ³ Reference World. Dilawat pada 29 November 2013 (<http://www.referenceworld.com/sage/socialscience/triangulation.pdf>)
- ⁴ JKMNJ. Dilawat pada 8 October 2013, http://www.jkmnj.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=67&Itemid=110

Rujukan

- Aminah Ahmad. 1999. "Participation of Malaysian Women in Employment: A Gender Stratification Analysis." Dalam *Women & Work: Challenges in Industrializing Nations*, pnyt. Maimunah Ismail dan Aminah Ahmad. London: Asean Academic Press.
- Amla Salleh dan Nilla Inangda. 2012. *Perkembangan Kerjaya Wanita: Satu Analisis Biografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Beechey, Veronica. 1979. "On Patriarchy." *Feminist Review* 3: 66-82.
- Brannen, Julia. 2004. "Working Qualitatively and Quantitatively." Dalam *Qualitative Research Practice*, pnyt. Clive Seale, Giampietro Gobo, Jaber F Gubrium, dan David Silverman. London: Sage Publication.
- Bryman Alan. 2012. *Social Research Methods*. Edisi ke-4. Oxford: Oxford University Press.
- Bungin, Burhan. 2012. *Analisis Data Penelitian Kualitatif*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- _____. 2013. *Metodologi Penelitian Kuantitatif*. Edisi ke-2. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Butler, Judith. 2004. *Undoing Gender*. New York: Routledge.
- Caplan, Pat. 1997. *Food, Health and Identity*. New York: Routledge.
- Coltrane, Scott. 1998, *Gender and Families*. Thousand Oaks. California: Pine Forge Press.
- Denzin, Norman K., and Yvonna S. Lincoln. 2009. *Handbook of Qualitative Research*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ellis, Rhian. 1983. "The Way to a Man's Heart: Food in the Violent Home." Dalam *The Sociology Of Food And Eating: Essay On The Sociological Significance Of Food*, pnyt. Anne Murcott. Aldershot: Gower Publishing.
- Fatimah Abdullah. 1985. "Wanita dan Pekerjaan: Suatu Analisis Konflik Peranan." *Akademika* 2: 83-94.
- Feldman-Savelsberg, Pamela. 1996. "Cooking Inside: Kinship and Gender in Banganggte Idioms of Marriage and Procreation." Dalam *Gender, Kinship, Power: A Comparative and Interdisciplinary History*, pnyt. Mary Jo Maynes et al. New York: Routledge.
- Firth, Rosemary. 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*. London: Athlone Press.
- Gannon, Martin J. 1994. *Understanding Global Cultures: Metaphorical Journeys Through 17 Countries*. London: Sage Publications.
- Gottfried, Heidi. 2013. *Gender, Work, and Economy: Unpacking the Global Economy*. Cambridge: Polity Press.
- Hall, Douglas T. 1972. "A Model of Coping with Role Conflict: The Role Behaviour of College-Educated Women." *Administrative Science Quarterly* 17 (4): 471-89.
- Hassan Ahmed Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin, eds. 2009. *Muslim Women in Contemporary Societies*. Kuala Lumpur: IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Hoffman, Lois Norma dan Lisa Youngblade. 1999. *Mothers at Work: Effect On Childrens Well-Being*. Cambridge: Cambridge University Press.
- House, James S. 1981. *Work Stress and Social Support*. Reading: Addison-Wesley.
- Huzili Hussin, Shuhairimi Abdullah, dan Nor Salwani Hussin. 2007. "Polemik Antara Hasrat dan Realiti Wanita Bekerja Terhadap Keberkesanan Pengurusan Keluarga." Dalam *Women*

- At Work: Perspective on Workplace and Family*, pnyt. Rosmah Ismail et al. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Jalaluddin. 2003. *Teologi Pendidikan*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Jamilah Ariffin. 2000. "Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Peranan Wanita-Dari Sudut Ekonomi dan Pendidikan." Dalam *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, pnyt. Siti Fatimah Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- _____. 1992. *Women & Development in Malaysia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. 2003. *The Progress of Malaysian Women Since Independence 1957-2000*. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK), Kuala Lumpur.
- Killian, Lewis M. 1952. "The Significance of Multiple Group Membership in Disaster." *American Journal of Sociology* 57 (4): 309-14.
- Kirk, Jerome dan Miller, Mark. 1986. *Reliability and Validity in Qualitative Research*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Lerner, Gerda. 1986. *The Creation of Patriarchy*. Oxford: Oxford University Press.
- Lofland, John dan Lyn Lofland. 1984. *Analyzing Social Settings*. Belmont: Wadsworth Publishing.
- Manderson, Lenore. 1986. *Shared Wealth and Symbol: Food, Culture and Society in Oceania and Southeast Asia*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maslow, Abraham. 1968. *Towards A Psychology of Being*. New York: Van Nostrand.
- Moleong, Lexy J. 2007. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Nor Affizar Ibrahim. 2013. "Wanita Hero." *Berita Harian*. www.bharian.com.my/articles/Wanitahero/Article/print_html. Dilawat pada 13 Mei 2013.
- Pelan Tindakan Wanita. 2012. <http://202.187.17.12/~kpwkm/uploadpdf/PelanTindakanWanita>. Dilawat pada 12 Oktober 2013.
- Rashid Mail dan Raman Noordin. 2012. *Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rohaiza Rokis. 2009. "Women, work and Islam: A Malaysian Experience." Dalam *Muslim Women In Contemporary Societies: Reality and Opportunities*, pnyt. Hassan Ahmed Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Tan Chang Poo. 1992. *Status and Role of Malaysian Women in Development and Family Welfare*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Weismantel, Mary J. 1988. *Food, Gender and Poverty in the Ecuadorian Andes*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Wilson C., Leon dan Claudette Smith. 1993. "Gender Role Perceptions in urban Guyana." *International Journal of Sociology of the Family* 23 (2): pp.67-86.
- Wong, K. Aline. 1976. "Maternal Employment, Education and Changing Family Values in Singapore." *Journal of Economic Development and Social Change in Asia and The Pacific* 1 (1).